

**NO SOALAN : 54**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN  
ABU HASAN  
(PARIT)**

**TARIKH : 7.4.2015  
(SELASA)**

**SOALAN:**

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan apakah mekanisme yang digunakan bagi mengukur pencapaian objektif pelaksanaan Program Latihan Khidmat Negara. Berikan statistik pelatih Latihan Khidmat Negara yang telah menjalani program latihan tersebut.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Bagi memastikan objektif Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) tercapai, penilaian *outcome* keberkesanan latihan PLKN dilaksanakan secara berterusan melalui Kajian Persepsi Pelatih terhadap pada setiap kumpulan pengambilan. Pencapaian melebihi 80% adalah merupakan penanda aras kejayaan program ini. Berdasarkan kepada purata pencapaian program dari tahun 2004 sehingga 2010, pencapaian bagi semangat patriotisme adalah sebanyak 87.05%, kesukarelaan sebanyak 85.56%, peningkatan jati diri pelatih sebanyak 91.19%, mengukuhkan integrasi kaum sesama pelatih sebanyak 89.29% dan lain-lain faedah berdasarkan objektif pelaksanaan PLKN adalah 87.63%.**

**Bagi menilai keberkesanan pelaksanaan PLKN, Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah mengadakan kajian keberkesanan PLKN pada tahun 2010 yang**

melibatkan 61,950 orang responden bertujuan untuk mengenalpasti pencapaian semangat kesukarelaan, pembentukan remaja yang cergas, cerdas dan berkeyakinan diri. Kajian menunjukkan bahawa lebih 80% daripada jumlah responden yang terdiri dari kalangan alumni, ibu bapa dan majikan bersetuju bahawa PLKN telah berjaya membawa perubahan positif kepada pelatih.

Selain itu, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) juga telah melaksanakan Kajian Impak Nilai Patriotisme Siswa Bekas Pelatih PLKN Negeri-Negeri Utara Semenanjung Malaysia pada tahun 2013. Kajian yang melibatkan 3,787 orang responden yang terdiri daripada pelajar-pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) yang pernah menyertai PLKN, ibu bapa bekas pelatih, pemimpin masyarakat dan pelaksana PLKN telah menunjukkan maklum balas yang positif dalam semua aspek yang dinilai khususnya berkaitan patriotisme dengan menghadiri PLKN. Terkini, Jabatan sedang berbincang dengan sebuah universiti awam untuk